

Warga UMP Sambut Maulidur Rasul



Kuantan, 21 Jan - Hampir seribu warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berarak berselawat memuji keperibadian Rasullullah SAW sempena sambutan Majlis Maulidur Rasul tahun 1436H bertempat di UMP Gambang hari ini.

Perarakan diketuai oleh Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi pengurusan tertinggi bersama 20 kontingen dari pelbagai jabatan dan fakulti di UMP serta pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Anwarul Tanzil AlOthmaniah yang berarak sejauh 1.2 kilometer bermula dari Masjid UMP ke Kompleks Sukan UMP.

Turut sama berarak Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dato' Dr. Yusarie Zainuddin, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Hj Safie dan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Dalam ucapan Naib Canselor UMP, Dato' Daing Nasir berkata, perhimpunan ini merupakan manifestasi kecintaan kita kepada Nabi Muhammad S.A.W di samping itu ianya menunjukkan komitmen dalam menjunjung kesepadan dan kesatuan umat Islam bagi mempertahankan agama yang suci ini.



Sambutan pada hari ini turut berlangsung dalam suasana negara dan umat Islam masih berduka dengan musibah banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini. Ianya merupakan satu ujian besar buat mangsa-mangsa yang terlibat malahan di pihak UMP membantu dalam menyelaras bantuan sukarelawan dan kemanusiaan kepada mereka.

"Pada masa yang sama, umat Islam di seluruh negara turut diuji dengan peristiwa penghinaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W. Insiden Charlie Hebdo di Perancis baru-baru ini merupakan satu pengajaran besar kepada dunia."

"Namun ujian yang datang ini merupakan peringatan daripada Allah Ta'ala untuk kita lebih cakna terhadap perjuangan memelihara kesucian Islam dengan penuh kesederhanaan," katanya. Dengan tema "Perpaduan Nadi Transformasi Negara", perkataan transformasi ini tidak hanya merujuk kepada perubahan pembangunan fizikal, tetapi juga penghijrahan diri kita untuk menjadi individu yang lebih baik dan warganegara yang lebih bertanggungjawab," katanya.



Justeru, perpaduan adalah landasan kekuatan umat Islam untuk menghadapi pelbagai cabaran yang ada pada hari ini. Kestabilan negara Malaysia yang tercinta ini turut bergantung kepada perpaduan umat Islam. Sekiranya perbalahan sesama umat Islam itu berterusan tanpa kesudahan, mana mungkin kesucian agama kita akan dihormati oleh pengikut agama yang lain.

Realiti ini seharusnya membuka mata, minda dan jiwa kita untuk menginsafi bahawa masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan bagi memperkasa kedudukan Islam di negara ini. Katanya, kita selaku umat Nabi Muhammad SAW, wajarlah kita mengenang perjuangan Baginda dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh alam. Hasil perjuangan tersebut, yang disertai dengan pengorbanan sahabat-sahabat Baginda, maka kita dapat mencapai nikmat iman dan Islam pada hari ini.

Majlis diserikan dengan persempahan Dikir Zikir dari kumpulan nasyid UNIC dan ceramah yang disampaikan oleh pendakwah bebas, Ustaz Syed Abdul Kadir Al Jofree. Turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah sempena pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik.

Pemenang pertandingan dimenangi tempat pertama kontingen Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Harta (JPPH), tempat kedua Kontinen Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan ketiga kontonjen dari Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA). Turut menang kontingen Jabatan Canseleri, Pusat bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pejabat Penyelidikan dan Inovasi serta gabungan staf dari Pusat Keusahawanan, Pusat Kesihatan Pelajar dan Pusat Sukan.



Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 22-01-2015, 08:24:40